

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
TENAGA NASIONAL BERHAD DISTRIBUTION (TNBD)
TANAH MERAH, KELANTAN

Oleh

SURAYA BINTI IBRAHIM
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan EkoLogi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045494

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



LI 94 FPE 1 2005



1100045494

Laporan akhir latihan industri di Tenaga Nasional Berhad, Tan Merah, Kelantan / Suraya Ibrahim.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045494

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI TENAGA NASIONAL BERHAD DISTRIBUTION (TNBD) TANAH
MERAH,KELANTAN**

Oleh

SURAYA BINTI IBRAHIM

**Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2005

1100045494

SENARAI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Surat Pengesahan	i
Penghargaan	ii
Ringkasan Eksekutif	iii
 Bab 1 : Latar Belakang Organisasi	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Sejarah Penubuhan TNBD Tanah Merah	3
1.2 Visi,Misi,Motto,Logo dan Simbol Syarikat serta Nilai-nilai Bersama Syarikat	6
1.2.0 Visi	
1.2.1 Misi	
1.2.1.0 Nilai-nilai Bersama	
1.2.2 Motto	
1.2.2.0 Motto Korporat	
1.2.3 Logo Syarikat	
1.2.4 Rasional Logo	
1.2.5 Simbol	
1.2.6 Nama Korporat	
1.2.7 Warna-warna Korporat	
1.3 Carta Organisasi	10
1.3.0 Ringkasan Carta Organisasi	
1.4 Aktiviti Utama Organisasi	12
1.4.0 Aktiviti yang Dijalankan	
1.5 Kemahiran Dipelajari	14
1.5.0 Objektif Latihan Industri	
1.5.1 Kemahiran yang telah dipelajari	
 Bab 2 : Pengenapstian Masalah dan Cadangan Penyelesaian	
2.0 Pendahuluan	18
2.1 Mengenalpasti Sistem yang Sedia Ada	19
2.1.0 Sistem EHRMS	
2.1.1 Sistem CIBS	
2.1.2 Sistem ERMS	
2.2 Penemuan Masalah di Bahagian Pentadbiran	20
2.2.0 Cadangan Penyelesaian	
2.3 Penemuan Masalah di Unit Keselamatan Pekerja	22
2.3.0 Cadangan Penyelesaian	
2.4 Penemuan Masalah di Unit Kawalan Kredit	23
2.4.0 Cadangan Penyelesaian	

2.5 Analisis SWOT	25
2.5.0 Dalaman: Kekuatan (Strengths)	
2.5.1 Dalaman: Kelemahan (Weakness)	
2.5.2 Luaran: Kekuatan (Oppurtunities)	
2.5.3 Luaran: Kelemahan (Treats)	

Bab 3: Penutup

3.0 Pendahuluan	41
3.1 Lakaran Pengharapan Terhadap Organisasi	41

Rujukan	43
----------------	----

Lampiran	44
-----------------	----

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **SURAYA BINTI IBRAHIM (UK 8160)**

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : **SURAYA BINTI IBRAHIM**

Tarikh: **14 NOVEMBER 2005**

Disahkan Oleh:



**En. Syahrin Bin Said
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta sahabat-sahabat baginda sekalian.

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan latihan industri dengan jayanya bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Polisi Dan Sekitaran Sosial. Pertama sekali ribuan terima kasih ditujukan kepada penyelia KUSTEM saya iaitu En. Syahrin bin Said yang banyak memberi panduan dan bimbingan dalam menyiapkan laporan ini. Dengan usaha tidak pernah kenal erti jemu serta bantuan daripada rakan-rakan, akhirnya dapat juga menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan.

Dikesempatan ini juga ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak terlibat yang banyak membantu terutamanya kakitangan TNBD Tanah Merah kerana menerima saya untuk menjalani latihan industri di situ selama 3 bulan. Tanpa bantuan mereka mustahil saya dapat menyiapkan laporan ini dengan penuh rasa tanggungjawab.

Tidak lupa kepada penyelia Industri En. Rashid Mohd Noor, CC Adnan Bin Che Seman, CC Nawi bin Seman, CC Nik Badiuzzaman bin Abd. Majid, En. Zainudi bin Mustafa dan seluruh kakitangan TNB Tanah Merah yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar kepada saya. Dan akhir sekali kepada rakan-rakan yang turut menyumbang idea, pendapat serta cadangan yang bernas dalam memantapkan lagi hasil laporan ini. Terima Kasih.

SURAYA BINTI IBRAHIM (UK 8160)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan pembekal utama tenaga elektrik kepada seluruh penduduk di Semenanjung Malaysia. TNBD Tanah merah pula merupakan salah satu daripada 11 cawangan TNB yang terdapat di negeri Kelantan.

Objektif laporan ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari secara teori di dalam bilik kuliah untuk diaplikasikan ke dalam organisasi, mempelajari sistem-sistem yang sedia ada, mengetahui permasalahan yang timbul di organisasi, memperolehi pengalaman kerja sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar setelah bergraduat kelak.

Permasalahan yang timbul merupakan antara perkara yang lazimnya wujud dalam dunia perniagaan, dan termasuklah TNBD Tanah Merah ini tidak terlepas dari mengalaminya. Antara masalah yang dikenalpasti ialah di bahagian Pentadbiran dan bahagian Kewangan. Paling ketara melibatkan bahagian Pentadbira (Sokongan Am). Ia berhubungkait dengan Unit Kaunter dan Permohonan. Masalahnya ialah, ada segelintir pengguna terpaksa menunggu proses permohonan sesuatu bekalan baru dalam tempoh yang agak lama.

Unit lain di bahagian Pentadbiran juga turut mempunyai masalah iaitu di bahagian Unit Keselamatan Pekerja. Ini kerana, rata-rata pekerjanya khususnya pekerja bahagian teknikal tidak memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan diri ketika menjalankan tugas. Pekerja-pekerja ini enggan memakai alat-alat keselamatan yang telah dibekalkan walaupun mereka tahu bidang kerja banyak terdedah kepada risiko mengalami keceraian seperti terkena kejutan elektrik. Sebagai langkah menanganinya, pihak organisasi seharusnya perlu banyak mengadakan kempen-kempen kesedaran untuk menyedarkan sikap sambil lewa para pekerja.

Manakala masalah ketiga yang dikenalpasti adalah di bahagian Kewangan iaitu di Unit Kawalan Kredit. TNBD terpaksa menanggung jumlah hutang yang banyak akibat

daripada jumlah hutang lapuk pengguna dan sekaligus menyebabkan kerugian kepada TNB.

Segala masalah yang dikenalpasti akan meninggalkan kesan dan kebarangkalian dalam masa yang tidak boleh diramal. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan adalah diharap dapat membantu organisasi memperbaiki segala kelemahannya dalam sistem pentadbiran atau pengurusannya. TNBD Tanah Merah khususnya perlu bijak dalam mengambil sebarang inisiatif bagi menangani sebarang masalah yang timbul dalam organisasi. Akhir kata, penerangan terperinci dalam laporan ini diharap dapat menjadi panduan kepada semua individu yang terlibat khasnya keseluruhan kakitangan TNBD Tanah Merah.